

KDNK 2017

Malaysia *um 4/11* dipengaruhi ekonomi global

KUALA LUMPUR 3 Nov. -

Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan ekonomi lebih baik iaitu 4.4 peratus pada tahun depan disokong oleh permintaan domestik yang kukuh terutama daripada penggunaan swasta dan pelaburan.

Menurut firma penyelidikan Affin Hwang Capital, sebagai negara ekonomi terbuka dan bebas, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia sepanjang tahun depan akan dipengaruhi oleh persekitaran ekonomi global.

Katanya, pertumbuhan KDNK negara dijangka pulih secara berperingkat daripada 4.1 peratus pada separuh pertama 2016 kepada 4.3 peratus pada separuh kedua dengan mencatat pertumbuhan keseluruhan 4.2 peratus tahun ini.

“Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam isu Oktober mengenai Prospek Ekonomi Dunia (WEO) menjangkakan terdapat pemulihan dalam ekonomi global dengan pertumbuhan KDNK global meningkat 3.4 peratus pada tahun depan, berbanding unjuran awal 3.1 peratus pada 2016 dan 3.2 peratus 2015.

“Kemungkinan berlaku sedikit kelembapan dalam petunjuk ekonomi dunia yang mendorong IMF membuat semakan terhadap pertumbuhan ekonomi global pada 2017, setelah tiga kali ia disemak daripada unjuran awal 3.8 peratus tahun lalu,” katanya dalam nota kajian di sini hari ini.

Dalam Laporan Ekonomi 2016/2017, kerajaan menjangkakan pertumbuhan KDNK Malaysia akan berkembang sekitar empat hingga lima peratus pada 2017, meningkat daripada empat hingga 4.5 peratus pada 2016.

Petunjuk utama terletak pada unjuran pertumbuhan yang lebih tinggi dalam perbelanjaan sektor swasta dengan penggunaan dan pelaburan swasta dijangka berkembang 6.3 peratus dan 5.8 peratus pada 2017.